

PERCUBAAN SPM 2016

Bahasa Melayu

Tingkatan 5

Kertas 1

Peraturan Pemarkahan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Panitia Bahasa Melayu SMKN sahaja. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

1. TUJUAN PENGUJIAN

Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2. LANGKAH-LANGKAH PEMERIKSAAN

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut;

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 atas (28 – 30) (26 – 27) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <u>tepat</u>. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <u>ungkapan yang menarik</u> (peribahasa, slogan, kata-ucapan) • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <u>matang</u>.
Kepujian	20 – 25 atas (23 – 25) (20 – 22) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <u>luas</u>. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <u>jelas</u>.

- *Ungkapan Menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*


PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	15 – 19 atas (17 – 19) (15 – 16) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan <u>masih</u> menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa <u>masih</u> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <u>masih</u> betul dan tepat. Ejaan <u>masih</u> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya <u>masih</u> lengkap. Unsur bahasa <u>masih</u> bervariasi. • Idea <u>masih</u> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <u>masih</u> jelas.
Kurang Memuaskan	10 – 14 atas (12 – 14) (10 – 11) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan <u>kurang</u> menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa <u>kurang</u> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <u>kesalahan ejaan yang ketara</u>. Penggunaan kosa kata <u>terhad</u>. • Wacana <u>kurang</u> lengkap. Unsur bahasa <u>kurang</u> bervariasi. • Idea <u>kurang relevan</u> dengan tema bahan rangsangan dan huraian <u>kurang jelas</u>.
Pencapaian Minimum	01 – 09 atas (06 – 09) (01 – 05) bawah	<ul style="list-style-type: none"> • Calon <u>tidak</u> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • <u>Banyak</u> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea <u>tidak</u> menepati tema bahan rangsangan.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[100 markah]

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:
 - () = Kesalahan isi
 - _____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
 - / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
 - // = Kesalahan ejaan yang berulang
 -  = Kesalahan tanda baca

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan – kata (morfologi) - ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> • Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) • Kerelevanan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerenggan • Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang luas dan tepat. • Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul • Laras bahasa sesuai dengan tugas • Penggunaan <u>kosa kata</u> luas dan tepat • <u>Idea relevan</u> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai • <u>Pengolahan</u> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • <u>Wacana</u> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan <u>unsur bahasa bervariasi</u> • <u>Gaya bahasa</u> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang tepat. • Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul • <u>Laras bahasa</u> sesuai dengan tugas. • Penggunaan <u>kosa kata</u> luas dan tepat • <u>Idea relevan</u> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai. • <u>Pengolahan</u> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. • <u>Wacana</u> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> masih bervariasi. <p><u>Gaya bahasa</u> masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</p>

- *Ungkapan Menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	51 - 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> sesuai. • Penggunaan <u>ayat majmuk</u> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> masih betul. • <u>Laras bahasa</u> sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan <u>kosa kata</u> umum. • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • <u>Pengolahan</u> masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. • <u>Wacana</u> masih lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> masih bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
MEMUASKAN	36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> terhad. • Ayat kurang gramatis. • <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • <u>Laras bahasa</u> kurang sesuai. • Penggunaan <u>kosa kata</u> umum dan terhad. • <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • <u>Pengolahan</u> kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai. • <u>Wacana</u> masih / kurang lengkap • Penggunaan <u>unsur bahasa</u> kurang bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan <u>kata</u> kurang tepat. • Ayat <u>tidak gramatis</u> tetapi masih difahami. • Terdapat <u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u> yang ketara. • <u>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</u> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • <u>Pengolahan</u> tidak menarik. • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. • <u>Unsur bahasa</u> tidak bervariasi. • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan menunjukkan penggunaan <u>kata dan ayat</u> yang tidak gramatis. • Kesalahan <u>ejaan dan tanda baca</u> yang ketara. • <u>Idea</u> bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • <u>Pengolahan</u> tidak menarik. • <u>Wacana</u> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • <u>Gaya bahasa</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

Cara menulis

Keseluruhan	-	Peringkat markah	Contoh	K	-	75
- Ejaan	-	Maksimum 3 markah		- E	-	03
- Format	-	Maksimum 2 markah		- F	-	02
						<hr/>
Jumlah	-	Markah bersih		J	-	70

Soalan 1:

Semangat patriotik dalam kalangan remaja negara kita semakin luntur. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan remaja.

Skema:

Pendahuluan

Semangat patriotik bermaksud suatu perasaan atau jiwa di dalam diri seseorang yang sayang dan cinta akan bangsa, agama, dan tanah air. Pada globalisasi ini, semangat patriotik haruslah **terpateri** dalam diri dan jiwa setiap rakyat Malaysia. Jika nilai ini wujud dalam diri, sikap ingin berkorban dan berjuang untuk mempertahankan tanah air akan lahir. Namun, kebanyakan masyarakat pada hari ini, terutamanya remaja lupa akan tanggungjawab kepada negara. Semangat patriotik dalam diri mereka kian **pudar**. Mereka lupa akan perjuangan pejuang dan perwira negara berusaha tanpa mengenal jemu bagi mempertahankan maruah bangsa, agama, dan tanah air. Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan remaja supaya mereka mampu mengekalkan maruah dan **kedaulatan** negara.

Cadangan Isi:

- meneruskan program bulan penghayatan patriotisme sama ada pada peringkat sekolah, negeri, mahupun peringkat kebangsaan.
- pihak media terutamanya media elektronik seharusnya menyiarkan program yang mempunyai unsur patriotisme.
- pihak kerajaan mengadakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)
- pihak sekolah pula seharusnya memainkan peranan untuk membentuk pelajar dengan menanamkan semangat patriotik atau semangat cinta akan negara dalam diri mereka ini sejak peringkat sekolah rendah.

Penutup:

Remaja merupakan bakal pewaris pucuk kepemimpinan negara pada masa depan. Oleh hal yang demikian, wajarlah ibu bapa, guru, masyarakat, dan sekolah melaksanakan pelbagai program yang dapat menyemarakkan semangat patriotik dalam diri remaja yang bakal ditabalkan menjadi peneraju atau pemimpin negara pada suatu hari nanti. Kita janganlah mengabaikan remaja kerana remaja merupakan **tonggak harapan bangsa**, agama, dan tanah air yang tercinta ini. Kita juga janganlah membiarkan remaja *hidup terumbang ambing* tanpa **hala tuju** dan **wawasan**. Oleh itu, semua pihak haruslah mengambil **inisiatif** dengan menerapkan nilai **patriotisme** dengan harapan negara terus **cemerlang**, **gemilang**, dan **terbilang**.

Soalan 2:

Dewasa ini, masalah gejala sosial di negara kita semakin serius dan membimbangkan banyak pihak. Huraikan pendapat anda tentang punca-punca yang menyebabkan masalah ini berlaku dan peranan ibu bapa dalam menangani gejala tersebut.

Pendahuluan:

- Masalah gejala sosial semakin meruncing di negara kita sejak akhir-akhir ini.
- Gejala sosial dapat ditakrifkan sebagai satu kemelut sosial dan kekeliruan yang timbul dalam kalangan remaja akibat daripada perkembangan sosial, ekonomi dan politik yang pesat di negara ini.
- Masalah gejala sosial ini telah menjadi perdebatan hangat dalam kalangan pemimpin sehingga menimbulkan kebimbangan tentang masa depan para remaja.
- Persoalannya, apakah punca-punca yang menyebabkan gejala sosial ini dan apakah cadangan-cadangan untuk menangani gejala sosial ini?

Cadangan Isi:

Punca

- Ibu bapa yang terlalu sibuk dengan kerjaya dan urusan seharian. Hal ini disebabkan oleh ibu bapa tidak dapat memberikan sepenuh perhatian terhadap rumah tangga.
- Ibu bapa tidak memberikan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak. Hal ini berlaku disebabkan oleh ibu bapa tidak mengambil berat tentang didikan agama terhadap anak-anak.
- Ibu bapa yang sering bergaduh dan bertengkar di hadapan anak-anak turut menyumbang kepada kepincangan institusi keluarga.
- Pengaruh rakan sebaya merupakan faktor yang turut mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah gejala sosial.

Cara mengatasi:

- Ibu bapa perlulah memberikan sepenuh perhatian dan tumpuan terhadap rumah tangga dan anak-anak.
- Ibu bapa juga perlulah memberi didikan agama yang secukupnya kepada anak-anak sejak kecil.
- Ibu bapa juga perlulah mengambil berat persahabatan anak-anak mereka dengan rakan sebaya.

Penutup:

- Masalah gejala sosial memang merupakan salah satu masalah yang meruncing dan perlu ditangani segera oleh semua pihak terutamanya ibu bapa.
- Ibu bapa sebagai ketua keluarga perlulah bertanggungjawab dan mengambil berat terhadap anak-anaknya.
- Tegasnya, masalah gejala sosial perlu ditangani daripada peringkat akar umbi agar tidak menjadi barah dalam masyarakat sehingga menjejaskan nama baik negara di persada masyarakat.

Soalan 3:

Semenjak merdeka hinggalah ke hari ini, kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai program untuk memastikan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia terpelihara.

Huraikan kepentingan perpaduan kaum dan langkah proaktif kerajaan untuk memupuk perpaduan di negara kita.

Panduan guru:

Pendahuluan

- perpaduan kaum ialah aset paling berharga bagi sesebuah negara
- Tanpa perpaduan yang utuh, sesebuah negara tidak akan maju dan berkembang
- Hal ini dapat dilihat di negara yang sentiasa bergolak

Cadangan isi:

Kepentingan

- Perpaduan kaum menjamin kestabilan politik – politik yang stabil akan mewujudkan sistem pemerintahan yang baik dan efektif – pentadbiran negara berjalan lancar.
- Perpaduan kaum menjamin perkembangan ekonomi - negara yang aman dapat mewujudkan suasana ekonomi yang baik – menarik kedatangan pelabur asing.
- Perpaduan kaum mewujudkan suasana sosial yang kondusif – rakyat dapat bergerak bebas – mewujudkan sebuah masyarakat yang saling melengkapi.

Langkah:

- Perpaduan dapat diwujudkan dengan pelbagai program kemasyarakatan – penganjuran rumah terbuka dan gotong-royong dapat memupuk perpaduan dan mengukuhkan hubungan kaum.
- Perpaduan dapat disebarkan melalui kempen-kempen di media cetak dan media elektronik – mengajak rakyat berbilang bangsa bersatu padu.

Kesimpulan

- Perpaduan perlu dikukuhkan untuk mewujudkan suasana aman dan damai – tanpa perpaduan, kehidupan sesebuah negara sentiasa dihantui kerisauan.

Peribahasa yang sesuai:

Bagai duri dalam daging

Sudah terang lagi bersuluh

di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.”

melepaskan batuk di tangga

Tepuk dada tanya selera

serampang dua mata

berunding cerdik dengan pandai, faham dua menjadi satu

seperti api dalam sekam

menarik rambut dalam tepung, rambut tak putus, tepung tak berselerak

sediakan payung sebelum hujan

“ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni

hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah”

”seperti aur dengan tebing”,

“berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

‘bersatu teguh bercerai roboh’

. Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat

mulut biar manis, hati biar baik

Agak-agak bertutur malam hari

Asal ditugal, adalah benih

Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung

Air orang disauk, ranting orang dipatah, adat orang diturut.

Soalan 4:

Aktiviti pemerdagangan manusia di peringkat global sangat membimbangkan dan mendatangkan kesan negatif kepada negara yang terlibat.

Bincangkan.

Skema

Pendahuluan : Perubahan dunia alaf baru telah mula membentuk suatu fenomena tentang pola migrasi manusia. Peperangan, kemiskinan, dan bencana alam telah mula mengubah landskap dunia apabila migrasi gelombang kedua semakin mengancam kestabilan politik dan sosial di beberapa buah wilayah di dunia. Pola tersebut ialah sindiket pemerdagangan manusia yang ditunjangi oleh rangkaian penjenayah antarabangsa yang turut dikenali sebagai tekong laut dan tekong darat. Kesan daripada jenayah tersebut menimbulkan krisis kemanusiaan yang teruk apabila manusia dengan sewenang-wenangnya dijadikan bahan dagangan demi mengaut keuntungan yang berlipat ganda. Sementara itu, negara yang menjadi transit dan negara penerima turut mengalami masalah sama ada dalam aspek politik, demografi, ekonomi, dan sosial.

Kesan negatif

Isi 1 : Boleh menjejaskan kestabilan politik sesebuah negara – kemasukan warga asing dalam jumlah yang banyak dan tidak terkawal boleh mengancam sesebuah kerajaan yang memerintah – berlaku wujud ketegangan antara parti yang memerintah dengan pihak pembangkang

Isi 2 : Mengancam peluang penguasaan ekonomi dalam kalangan rakyat tempatan – warga asing akan memonopoli peluang pekerjaan dan mengambil peluang berniaga (monopoli tapak niaga oleh warga Indonesia di Pasar Chow Kit dan warga Bangladesh di Jalan Petaling – berlaku krisis pengaliran wang keluar negara secara dalam jumlah yang besar – ekonomi sesebuah negara boleh muflis

Isi 3 Kesejahteraan sosial rakyat tempatan terancam – warga asing mengambil kesempatan mengganggu kawasan petempatan – wujud setinggan baru – membawa masalah kepada masyarakat setempat seperti kotor, penyakit dan budaya yang tidak sihat

Isi 4 : Indeks masalah jenayah yang semakin meningkat – kesukaran memperoleh peluang kerja mendorong perlakuan jenayah –pihak polis sukar untuk mengesan penjenayah kerana ketiadaan identiti – rakyat menjadi mangsa serangan, samun dan rompak

Isi 5 Penyebaran budaya yang tidak sihat – pendatang asing membawa tabiat buruk dari negara asal – sikap samseng/biadap (warga hitam Afrika), hidup berpuak-puak dan tidak menghormati budaya dan undang-undang negara – berlaku perkahwinan rentas budaya dan warganegara - timbul masalah anak tidak sah taraf

Kesimpulan :

Gejala pemerdagangan manusia merupakan sebahagian daripada krisis kemanusiaan sejak zaman-berzaman. Jenayah tersebut terus berlarutan hingga kini, Cuma yang berbeza hanya modus operandinya sahaja. Oleh itu, penyelesaian secara global dan serantau hendaklah diteruskan agar landskap politik dunia dan wilayah tidak terancam oleh sikap dan amalan manusia yang bersikap pepat di luar runcing di dalam.

Soalan 5:

Anak itik terenang-renang
Air pasang tenang-tenangan
Budi sedikit bilakan hilang
Itu menjadi kenang-kenangan

Pantun di atas bermaksud budi yang kita tabur walaupun sedikit tetap diingati. Tulis sebuah cerpen yang bertemakan hidup berbudi berdasarkan maksud pantun di atas.

SELAMAT MEMERIKSA